TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KKDW BULAN OGOS 2026

TARIKH/MASA:

6 OGOS 2026 (KHAMIS)

08:30 PAGI

TEMPAT:

DEWAN SERI LESTARI ARAS B1, KKDW PUTRAJAYA

Terima kasih Saudara/Saudari Pengerusi Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

MUKADIMAH

Saudara dan saudari sekalian,

MUKADIMAH

Hadirin dan hadirat sekalian,

1. Saya percaya ramai dalam kalangan anda semua sedang mengikuti dengan dekat perkembangan politik negara, khususnya selepas Pilihan Raya Negeri Johor dan Negeri Sembilan.

2. Mungkin ada yang tertanya-tanya:

   Apakah perkembangan ini akan menjejaskan kedudukan Kerajaan Perpaduan?
   Apakah ia akan mengubah hala tuju kementerian?

Apakah dasar, program dan projek yang sedang kita laksanakan akan turut terkesan?

3. Percayalah, *I can read your mind.* Namun, apa jua persoalannya - **pertandingan politik di peringkat negeri tidak menjejaskan kestabilan Kerajaan Perpaduan di peringkat Persekutuan.** Kerajaan Perpaduan hari ini dibentuk berasaskan suatu persefahaman dan perjanjian yang jelas untuk ia **kekal sehingga Parlimen dibubarkan.**

4. Jadi, selagi tiada pembubaran berlaku, **Kerajaan Persekutuan akan terus berfungsi, pentadbiran akan diteruskan dan setiap amanah kepada rakyat akan dilaksanakan seperti biasa**.

5. Inilah realiti sebuah negara demokrasi walaupun mungkin bukan perkara biasa berlaku di dalam sejarah pentadbiran negara. Jadi, pada saya… tidak salah bagi penjawat awam untuk bertanya, memahami dan mendapatkan penjelasan tentang perkembangan politik semasa.

6. Itulah juga realiti pentadbiran di banyak negara - penjawat awam perlu peka terhadap konteks politik yang membentuk dasar Kerajaan, tetapi tidak boleh terheret ke dalam politik

kepartian. *“You have to be politically sensitive, but you should never become politicised.”*

7. Garisnya mesti jelas. Kepekaan politik membantu kita memahami mandat Kerajaan, manakala profesionalisme memastikan setiap tugas dilaksanakan secara berintegriti dan tanpa memihak.

8. Dalam ilmu pentadbiran awam, **hubungan ini disebut sebagai *politics–administration nexus…*** di mana politik menentukan mandat dan hala tuju… manakala pentadbiran menterjemahkannya kepada dasar, program dan hasil untuk rakyat.

9. Justeru, saya memulakan bicara hari ini dengan pendekatan yang sedikit berbeza daripada perhimpunan bulanan sebelum ini. Saya bukan nak bagi kuliah politik, tetapi untuk mengajak seluruh warga KKDW memahami dengan lebih luas **hubungan antara politik dan pentadbiran.**

10. Kita pun sering mendengar ungkapan kesetiaan kepada *Government of the Day*. Namun, dalam suasana politik yang dinamik hari ini, **cabaran sebenar ialah memastikan setiap dasar dan keputusan terus dilaksanakan dengan adil,**

saksama dan profesional. *Politics may shape the mandate, but public service must always protect the people's interest.*

DINAMIKA POLITIK, KESTABILAN PENTADBIRAN

Hadirin sekalian,

11. Keadaan yang saya sebutkan mencerminkan realiti demokrasi dan keunikan sebuah kerajaan gabungan. Kerjasama dalam Kerajaan tidak bermakna setiap parti perlu kehilangan identiti, prinsip atau ruang politiknya sendiri.

12. Dalam ilmu politik, keadaan ini boleh difahami melalui **konsep *political autonomy within a coalition government*.** Setiap parti masih mempunyai ruang untuk menentukan strategi, mempertahankan asas sokongan dan menawarkan pilihan kepada rakyat… selagi tanggungjawab bersama dalam Kerajaan terus dihormati.

13. Keadaan seperti ini bukan sesuatu yang asing**. Di Australia, Parti Liberal dan Parti Nasional bekerjasama dalam satu gabungan di peringkat Persekutuan.** Namun, dalam keadaan tertentu, kedua-dua parti boleh bertanding sesama sendiri berdasarkan realiti politik setempat.

14. Begitu juga di Jepun. **Parti Liberal Demokratik atau LDP dan Komeito** telah lama bekerjasama membentuk Kerajaan di peringkat nasional, tetapi pada peringkat wilayah, kedua-duanya boleh menentukan pendekatan dan strategi politik yang berbeza.

15. Maknanya, **kerjasama dalam Kerajaan tidak semestinya meleburkan semua parti menjadi satu.** Setiap parti masih mempunyai autonomi politik… selagi komitmen dalam **perjanjian pembentukan Kerajaan** terus dilaksanakan sebaiknya.

16. Oleh itu, dalam konteks Kerajaan hari ini, apabila mandat telah diberikan dan Kerajaan dibentuk, **tanggungjawab pentadbiran mesti mengatasi segala perbezaan politik.** Urusan Kerajaan tidak boleh terhenti hanya kerana suhu politik meningkat.

17. *We have to get this concept clear.* Apa juga dinamika politik yang berlaku, **peranan penjawat awam tidak boleh diganggu-gugat. Penjawat awam ialah tiang seri kesinambungan negara.** *Your responsibility is to ensure that the Government continues to function,* dasar dilaksanakan, projek bergerak dan perkhidmatan sampai kepada rakyat.

18. Seperti yang sering saya sebutkan, **Menteri boleh datang dan pergi. Kerajaan boleh berubah.** Namun… institusi mesti kekal kukuh, dasar yang baik mesti diteruskan dan kepentingan rakyat mesti sentiasa dipertahankan.

19. Saya juga tahu.. ada di kalangan anda yang mungkin dipanggil, berdepan tekanan susulan pertembungan politik ini – tetapi percayalah selagi mana saya memegang amanah sebagai Menteri, saya beri jaminan setiap pegawai Kementerian akan saya lindungi. Teruskanlah berkhidmat dan laksanakan tanggungjawab yang diberikan mengikut peraturan dan saluran perundangan yang betul. ***The rest leave it to me.***

DARIPADA IDEA KEPADA IMPAK, DARIPADA ASET KEPADA HASIL

Hadirin sekalian,

20. Apa juga dinamika politik yang berlaku, **rakyat akhirnya akan menilai keberkesanan sesebuah Kerajaan melalui perubahan dalam kehidupan mereka dan sejauh mana hasilnya benar-benar dapat dirasai.**

21. Sebab itu pendekatan saya sentiasa jelas. Kita mesti mencari *game changer* yang mampu membuka peluang

baharu, meningkatkan pendapatan dan membawa perubahan kepada masyarakat desa

22. Namun, *game changer* tidak lahir daripada idea seorang individu. **Ia lahir melalui penyatuan fikiran, mencabar pendekatan lama dan berani membuat keputusan yang lebih besar.** Sebab itu, kita selalu mengadakan pemukiman, bengkel dan sesi libat urus untuk memastikan setiap idea dapat diterjemahkan kepada tindakan yang berimpak.

23. Baru-baru ini, melalui **Bengkel Transformasi Strategik Lembaga Kemajuan Wilayah**, kita menetapkan supaya setiap LKW bergerak ke arah **Pulangan Atas Aset atau ROA yang optimum antara 4 hingga 6 peratus.**

24. Kita tidak boleh terus memiliki tanah, bangunan dan aset yang besar tetapi gagal menghasilkan pulangan kepada rakyat. Justeru, **saya telah mengarahkan semua LKW menyediakan Pelan Pengaktifan Aset dalam tempoh 100 hari.**

25. Di MEXCLUB pula, **kita telah bersetuju untuk memperkukuh Program Desa Lestari sebagai pemangkin ekonomi masyarakat desa.** Sebuah *task force* akan diwujudkan bagi membantu koperasi terlibat dari aspek tadbir urus, penjenamaan, akses pasaran dan jaringan strategik.

26. Kemudian kita turut memperhalusi peluasan Tabika Tunas Istimewa. Daripada **19 kelas yang sedang beroperasi, KEMAS akan menyediakan sehingga 132 kelas tambahan melalui pembukaan serta baik pulih bangunan.**

27. **Dengan yuran yang ditetapkan pada kadar RM100,** kita mahu perkhidmatan ini terus mampu diakses oleh keluarga. Sasaran kita jelas, iaitu sekurang-kurangnya satu Tabika Tunas Istimewa di setiap daerah menjelang tahun 2027.

28. Saya juga berbangga dengan usaha **PERDA menyediakan Pelan Strategik PERDA** bagi memacu pembangunan luar bandar Pulau Pinang secara lebih tersusun, berkesan dan berimpak. Begitu juga blueprint **KEJORA 2.0 yang akan menjadi anjakan daripada sekadar melaksanakan projek fizikal kepada membina sebuah ekosistem pembangunan yang mampan.**

29. Semua ini hanya dapat dicapai melalui satu prinsip, iaitu ***engagement before decision*.** Kita mesti mendengar sebelum memutuskan, memahami sebelum melaksanakan dan menyelesaikan masalah sebelum ia menjadi lebih besar.

30. Sebab itu, saya mencadangkan agar **satu bengkel khusus diadakan sebelum setiap mesyuarat MEXCLUB**.

Saya mahu setiap isu dibincangkan lebih awal, pilihan penyelesaian mesti diperhalusi dahulu sebelum mesyuarat MEXCLUB berlangsung.

31. Pada masa yang sama, saya mahu *dashboard kementerian* yang kita miliki mesti diperluas. **Kita kena mula menghimpunkan data pembangunan desa daripada 12 kementerian melalui High Level Committee Pembangunan Desa melalui satu sistem yang sama.**

PENUTUP : SEMANGAT MERDEKA, AMANAH KEPADA RAKYAT

Hadirin sekalian,

32. Akhir kata, dalam kita melangkah ke bulan kemerdekaan, kita bukan sekadar mengenang sejarah. Kita mesti meneruskan perjuangan membebaskan rakyat daripada kemiskinan, keterasingan dan keterbatasan peluang. *That should be our spirit.*

33. Pembangunan desa yang sebenar juga mesti membawa kesejahteraan yang menyeluruh - **bukan sekadar *physical happiness*, tetapi turut membina *spiritual happiness*.**

34. Inilah amanah pentadbiran yang saya tekankan sejak awal. Apa juga dinamika politik yang berlaku, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah mesti terus berfungsi dan terus memakmurkan masyarakat desa.

35. Marilah kita jadikan baki tahun 2026 sebagai tempoh pecutan. Bergeraklah sebagai satu pasukan, selesaikan masalah rakyat dan pastikan tiada desa yang tertinggal.

36. Politik boleh berubah mengikut musim, tetapi amanah kepada rakyat tidak pernah mengenal musim. Insya-Allah, **saya yakin KKDW akan terus membangunkan desa dan memerdekakan seluruh potensinya.**

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.